

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 28 Januari 2025

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI DISEMBER 2024

JUMLAH PERDAGANGAN BAGI LAPAN NEGERI MEREKODKAN PERKEMBANGAN POSITIF DENGAN NILAI RM205.6 BILION PADA BULAN DISEMBER 2024

PUTRAJAYA, 28 JANUARI 2025 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM257.9 bilion pada Disember 2024 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM138.5 bilion dan RM119.3 bilion, seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI DISEMBER 2024**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport bernilai RM138.5 bilion pada Disember 2024, meningkat sebanyak RM20.1 bilion (+16.9%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM15.4 bilion), Johor (+RM4.7 bilion), Selangor (+RM1.9 bilion), Sabah (+RM1.3 bilion), Perak (+RM1.1 bilion), Melaka (+RM416.7 juta), Kelantan (+RM18.5 juta) dan Perlis (+RM7.1 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di Kedah sebanyak RM1.6 bilion, W.P. Kuala Lumpur (-RM1.5 bilion), Sarawak (-RM819.5 juta), Negeri Sembilan (-RM415.5 juta), Pahang (-RM342.1 juta), W.P. Labuan (-RM30.0 juta) dan Terengganu (-RM15.1 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 38.0 peratus, diikuti oleh Johor (18.1%), Selangor (16.2%), Sarawak (7.4%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.7%).


Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Disember 2024 meningkat RM12.7 bilion (+11.9%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2023. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Selangor (+RM5.9 bilion), Pulau Pinang (+RM3.9 bilion), Johor (+RM1.3 bilion), Kedah (+RM1.1 bilion), Perak (+RM704.5 juta), W.P. Kuala Lumpur (+RM590.1 juta), Sarawak (+RM558.8 juta), W.P. Labuan (+RM237.3 juta), Sabah (+RM69.5 juta), Melaka (+RM54.9 juta) dan Perlis (+RM32.3 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Negeri Sembilan sebanyak RM1.3 bilion, Pahang (-RM393.4 juta), Terengganu (-RM139.7 juta) dan Kelantan (-RM115.9 juta).

Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 28.4 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (22.9%), Johor (20.6%), W.P. Kuala Lumpur (7.5%) dan Kedah (5.9%).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

**Carta 1: Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
Disember 2023 – Disember 2024 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Disember 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 JANUARI 2025**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

PRESS STATEMENT

FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE DECEMBER 2024

TOTAL TRADE FOR EIGHT STATES RECORDED A POSITIVE GROWTH WITH A VALUE OF RM205.6 BILLION IN DECEMBER 2024

PUTRAJAYA, 28 JANUARY 2025 – Malaysia's total trade for December 2024 amounted to RM257.9 billion with exports and imports recorded RM138.5 billion and RM119.3 billion, respectively as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE DECEMBER 2024**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM138.5 billion in December 2024, increased RM20.1 billion (+16.9%) as compared to the same month of the previous year. The increase in exports was attributed to the higher exports in most states such as Pulau Pinang (+RM15.4 billion), Johor (+RM4.7 billion), Selangor (+RM1.9 billion), Sabah (+RM1.3 billion), Perak (+RM1.1 billion), Melaka (+RM416.7 million), Kelantan (+RM18.5 million) and Perlis (+RM7.1 million). However, exports decreased in Kedah by RM1.6 billion, W.P. Kuala Lumpur (-RM1.5 billion), Sarawak (-RM819.5 million), Negeri Sembilan (-RM415.5 million), Pahang (-RM342.1 million), W.P. Labuan (-RM30.0 million) and Terengganu (-RM15.1 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 38.0 per cent share, followed by Johor (18.1%), Selangor (16.2%), Sarawak (7.4%) and W.P. Kuala Lumpur (3.7%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports in December 2024 increased RM12.7 billion (+11.9%) as compared to the same

month in year 2023. The increase in imports was attributed by the higher imports in most states such as Selangor (+RM5.9 billion), Pulau Pinang (+RM3.9 billion), Johor (+RM1.3 billion), Kedah (+RM1.1 billion), Perak (+RM704.5 million), W.P. Kuala Lumpur (+RM590.1 million), Sarawak (+RM558.8 million), W.P. Labuan (+RM237.3 million), Sabah (+RM69.5 million), Melaka (+RM54.9 million) and Perlis (+RM32.3 million). However, imports decreased in Negeri Sembilan by RM1.3 billion, Pahang (-RM393.4 million), Terengganu (-RM139.7 million) and Kelantan (-RM115.9 million).

Selangor dominates Malaysia's imports with a share of 28.4 per cent, followed by Pulau Pinang (22.9%), Johor (20.6%), W.P. Kuala Lumpur (7.5%) and Kedah (5.9%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

**22Chart 1: Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor,
December 2023 – December 2024 (RM Billion)**





Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, December 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 JANUARY 2025**